

**SIARAN MEDIA**

14 November 2012

## **Ekuinas Struktur Semula Portfolio Minyak & Gas**

*Jual Kepentingan dalam Tanjung Offshore Berhad dan Tingkat Ekuiti dalam Tanjung Kapal Services Untuk Tumpu Sepenuhnya kepada Industri OSV*

### **Fakta Utama**

- Ekuinas melaksanakan penstrukturan strategik bagi portfolio Minyak & Gas (O&G) menerusi penjualan kepentingan minoritinya di dalam Tanjung Offshore Berhad (TOB) dan pemerolehan ekuiti tambahan di dalam Kota Bayu Ekuiti Berhad (KBE), syarikat induk Tanjung Kapal Services Sdn Bhd, sebuah syarikat Bumiputera yang menyediakan perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir (OSV) kepada syarikat-syarikat utama minyak dan gas (O&G) di Malaysia.
- Ekoran penyusunan semula portfolio Ekuinas yang merangkumi penempatan pasaran saham dan pemerolehan tersebut, Ekuinas telah menerima perolehan kumulatif sebanyak RM62.0 juta (termasuk dividen) daripada pelaburannya dalam TOB, yang mana RM42.5 juta kemudiannya digunapakai sebagai pelaburan tambahan ke dalam KBE. Ini menjadikan keseluruhan pelaburan Ekuinas di dalam KBE setakat ini berjumlah RM233.1 juta untuk 93.3% ekuiti efektif.
- Bersama-sama dengan pelaburan terbaru Ekuinas dalam OMNI Petromaritime Sdn Bhd, sebuah syarikat OSV Malaysia yang sedang pesat berkembang, pelaksanaan penstrukturan semula portfolio akan membolehkan Ekuinas memberi tumpuan sepenuhnya kepada pasaran OSV. Ini sekaligus menyediakan platform untuk Ekuinas mewujudkan sebuah kumpulan OSV antara yang terbesar di Malaysia, sejajar dengan objektif Ekuinas untuk mencipta syarikat-syarikat terkemuka pasaran masa hadapan.

**KUALA LUMPUR, (14 November 2012):** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan pelaksanaan penstrukturan strategik bagi portfolio Minyak & Gas (O&G) untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada pasaran kapal sokongan luar pesisir (OSV). Proses penstrukturan ini melibatkan penjualan kepentingan minoritinya di dalam Tanjung Offshore Berhad (TOB) dan pemerolehan ekuiti tambahan di dalam Kota Bayu Ekuiti Bhd (KBE), syarikat induk Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) iaitu sebuah syarikat Bumiputera yang menyediakan perkhidmatan OSV kepada syarikat-syarikat utama minyak dan gas (O&G) di Malaysia.

Ekuiti Nasional Berhad 868265 U

Level 13 Surian Tower No 1 Jalan PJU 7/3 Mutiara Damansara 47810 Petaling Jaya Selangor DE Malaysia

T: + 60 3 7710 7171 F: + 60 3 7710 7173

[www.ekuinas.com.my](http://www.ekuinas.com.my)

Penstrukturan portfolio tersebut telah dilaksanakan melalui penempatan pasaran saham dan pemerolehan ekuiti tambahan yang dijalankan oleh sebuah bank pelaburan terkemuka yang dimandatkan oleh Ekuinas untuk menjual keseluruhan 24% kepentingan sedia ada di dalam TOB dan memperoleh Saham Keutamaan Boleh Ubah Boleh Tebus (RCPS) tambahan di dalam KBE daripada pemegang saham sedia ada berdasarkan harga pasaran semasa.

Selaras dengan pelaksanaan penempatan pasaran saham dan dividen yang telah diterima dari TOB, Ekuinas telah memperoleh hasil kumulatif (termasuk dividen) sejumlah RM62.0 juta dari pelaburannya di dalam TOB, yang mana RM42.5 juta kemudiannya digunapakai sebagai pelaburan tambahan ke dalam KBE. Bersama dengan pelaburan terdahulu di dalam KBE yang diumumkan oleh Ekuinas pada April 2012, ianya membawa jumlah keseluruhan pelaburan Ekuinas di dalam KBE kepada RM233.1 juta yang memberi 93.3% kepentingan ekuiti efektif.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad berkata, "Kami gembira dapat membantu TOB sepanjang tempoh pelaburan kami meskipun syarikat terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Pelupusan kepentingan Ekuinas di dalam TOB adalah di masa yang sesuai memandangkan TOB kini berada pada kedudukan kewangan yang teguh dengan perolehan tunai yang diterima dari Ekuinas hasil daripada proses penyusunan semula kumpulan dan kegiatan pemisahan syarikat. TOB kini boleh mengukuhkan perniagaan bukan marinya yang merangkumi produk kejuruteraan, perkhidmatan penyelesaian penyenggaraan dan medan minyak serta berupaya untuk meneruskan pelan pertumbuhannya sendiri di dalam sektor minyak & gas (O&G) Malaysia yang sedang berkembang pesat."

Pada September 2012, TOB telah menyempurnakan proses penstrukturan semula komprehensif yang melibatkan pemisahan antara perniagaan perkhidmatan marin di bawah TKS dengan perniagaan perkhidmatan O&G bukan marin yang lain sebagai sebahagian daripada rancangan komprehensif untuk menyelaraskan operasi syarikat, mempertingkatkan fokus dan mewujudkan nilai mapan bagi pemegang saham. Untuk memudahkan proses pemisahan perniagaan tersebut, Ekuinas melalui KBE, pada awalnya memperoleh 100% kepentingan ekuiti di dalam TKS dan seterusnya memberi peluang kepada pemegang saham TOB untuk menyertai dan memiliki ekuiti di dalam KBE melalui proses Jualan bagi Tawaran Terhad untuk RCPS syarikat KBE.

“Penstrukturan strategik portfolio O&G kami ini akan membolehkan Ekuinas mengukuhkan dan meningkatkan pelaburan di dalam Tanjung Kapal Services serta memberi tumpuan sepenuhnya kepada pasaran OSV, yang kami percaya mempunyai potensi pertumbuhan yang kukuh berikutan peningkatan aktiviti carigali dan pengeluaran (E&P) tempatan dan serantau. Penstrukturan ini, bersama dengan pelaburan kami di dalam OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI) yang diumumkan tidak lama dahulu, akan menyediakan platform yang kukuh untuk Ekuinas membina salah sebuah kumpulan OSV terbesar di Malaysia sejajar dengan hasrat kami untuk mencipta syarikat-syarikat terkemuka pasaran masa hadapan,” tambah Abdul Rahman lagi.

Pada 30 September 2012, Ekuinas telah mengumumkan perolehan 82.5% kepentingan ekuiti di dalam OMNI pada nilai pelaburan berjumlah RM220.9 juta. Secara kolektifnya, kedua-dua syarikat OSV (TKS and OMNI) memiliki dan mengendalikan portfolio keseluruhan sebanyak 28 buah kapal dengan pendapatan bergabung melebihi RM245 juta.

TOB adalah pelaburan kedua Ekuinas dan merupakan pelupusan pertama syarikat pelaburan Ekuinas sejak penubuhannya pada tahun 2009. Sehingga kini, Ekuinas mempunyai 12 syarikat berpotensi tinggi di dalam portfolio pelaburan langsungnya dan 3 syarikat di bawah Program Penyumberan Luar dengan jumlah pelaburan komited berjumlah RM1.6 bilion. Bersama dengan modal swasta rakan pelabur, Ekuinas telah berjaya membantu kemasukan modal ekonomi melebihi RM2.1 bilion ke dalam ekonomi Malaysia.

#####

## Mengenai Ekuinas

---

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menubuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan.

---

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi:*

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, [AAbdulKarim@webershandwick.com](mailto:AAbdulKarim@webershandwick.com) (03) 6209 5222

Anis Azharuddin, Weber Shandwick, [AAzharuddin@webershandwick.com](mailto:AAzharuddin@webershandwick.com) (03) 6209 5217

**Ekuiti Nasional Berhad** 868265 U

Level 13 Surian Tower No 1 Jalan PJU 7/3 Mutiara Damansara 47810 Petaling Jaya Selangor DE Malaysia

T: + 60 3 7710 7171 F: + 60 3 7710 7173

[www.ekuinas.com.my](http://www.ekuinas.com.my)